



# PROCEEDINGS

ISHC

2<sup>ND</sup> INTERNATIONAL  
ISLAMIC HERITAGE

2nd International Islamic  
Heritage Conference 2017

CONFERENCE 2017

المؤتمر الدولي الثاني للتراث الاسلامي

*"STRENGTHENING KNOWLEDGE, EMPOWERING ACHIEVEMENT"*

## EDITORS

MOHD FAIZAL P. RAMELI  
ABDUL QAYUUM ABDUL RAZAK  
MUHAMMAD TAUFIK MD SHARIPP  
MOHD ZAID MUSTAFAR  
MOHD KHAIRUL NIZAM MOHD AZIZ  
RAWI NORDIN  
S. SALAHUDIN SUYURNO  
DZIAUDDIN SHARIF

**PROCEEDING OF 2ND INTERNATIONAL  
ISLAMIC HERITAGE CONFERENCE  
(ISHEC 2017)**



2nd International Islamic  
Heritage Conference 2017



2nd International Islamic  
Heritage Conference 2017

---

# PROCEEDING OF 2ND INTERNATIONAL ISLAMIC HERITAGE CONFERENCE (ISHEC 2017)

*Editors*

MOHD FAIZAL P. RAMELI  
ABDUL QAYUUM ABDUL RAZAK  
MUHAMAD TAUFIK MD SHARIPP

MOHD ZAID MUSTAFAR

MOHD KHAIRUL NIZAM MOHD AZIZ  
RAWI NORDIN

S. SALAHUDIN SUYURNO

DZIAUDDIN SHARIF

Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS),  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka  
Alor Gajah • 2017

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2017  
Hak Cipta / *Copyright* Penerbit ACIS, UiTM Cawangan Melaka

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada ACIS, UiTM Cawangan Melaka terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from ACIS, UiTM Cawangan Melaka.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS),  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA,  
JALAN LENDU, 78000 ALOR GAJAH,  
MELAKA, MALAYSIA  
Tel: +606 558 2303, 2305

Atur huruf oleh / *Typeset by*  
ABDUL QAYUUM ABDUL RAZAK, MUHAMAD TAUFIK MD SHARIPP,  
MOHD ZAID MUSTAFAR & MOHD KHAIRUL NIZAM MOHD AZIZ  
Mel-e: [qayyumfpi@yahoo.co.uk](mailto:qayyumfpi@yahoo.co.uk)

Reka bentuk kulit oleh  
Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz  
Mel-e: [nizamiyah86@gmail.com](mailto:nizamiyah86@gmail.com)

ISBN:

# Table of Contents

---

<i>Foreword</i>	7
<i>Preface</i>	9

## HISTORIOGRAPHY AND ISLAMIC THOUGHT

Genre Historiografi Ibn al-Athir <i>Norsaeidah Jamaludin, Abdul Qayuum Abdul Razak, Nor Adina Abdul Kadir &amp; Mariam Farhana Md Nasir ...</i>	3
Kajian Literatur Istilah 'Umrn Ibn Khaldun <i>Abdul Qayuum Abdul Razak &amp; S.Salahudin Suyurno ...</i>	13
Metodologi Penulisan Isu Kenabian menurut Badiuzzaman Said Nursi dalam Kitab <i>Rasail al-Nur</i> <i>Muaz Mohd Noor, S.Salahudin Suyurno, Nor Adina Abdul Kadir, Abdul Qayuum Abdul Razak &amp; Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz ...</i>	21
Metodologi Penulisan Syed Qutb dalam Kitab <i>Fi Zilal al-Quran</i> <i>Halipah Hamzah &amp; Noormala Rabu ...</i>	35
Sejarah Pengajian Pondok dan Tokoh Ulama: Kajian di Daerah Besut, Terengganu Darul Iman <i>Mohd Zainodin Mustaffa, Emie Sylviana Mohd Zahid, Nur Farhana Mohd Daud, Mahasin Saja@Mearaj, Mohd Asyadi Redzuan &amp; Mohamad Zaki Razaly ...</i>	47
Mekah Pusat Dunia: Hubungan dengan Brunei <i>Muhammad Hadi Muhammad Melayong ...</i>	55
Peranan Sufi dalam Penyebaran Islam di Nusantara <i>H Sumanta MA &amp; Hajam M.Ag ...</i>	63
Ngaji Kitab bersama Para Kiai Cirebon 'Memaknai Jihad Islam' untuk Meraih Sukma Pancasila <i>Siti Fatimah M.Hum ...</i>	75
Jender dalam Perspektif Nasaruddin Umar <i>H Jamali Sahrodi MA &amp; Amin Maulana ...</i>	101

Madrasah Menggapai Mutu  
*H Maksum MA ... 117*

Pendekatan Kajian Orientalis terhadap Islam: Satu Sorotan Awal  
*Mohd Farhan Abd Rahman & Muhamad Azrul Azwan ... 125*

ZA'BA, Melayu dan Kolonialisme Inggeris  
*Noor Aziera Mohamad Rohana, Nurul Asma Mazlan, Noraini Abd Muaziz & Ermy Azziaty Rozali ...137*

Budaya Berfikir Kritis Islam sebagai Pendekatan dalam Mengukuhkan Jatidiri Masyarakat Melayu Kini  
*Norafifah Ab Hamid, Nor Azlina Abd Wahab, Norajila Che Man & Siti Nurul Izza Hashim ... 151*

Kepentingan Kepercayaan Konsep Ilmu dalam Pembentukan Pandangan Alam  
*Mahfuzah Mohammed Zabidi & Rohaya Sulaiman... 167*

#### **HISTORIOGRAPHY AND ISLAMIC HERITAGE**

Penentuan Tarikh Perkahwinan Rasulullah SAW berdasarkan Pengiraan Takwim Hijri terkini  
*Nur Jannah Ballazi, Hamidah Jalani, Norsaeidah Jamaludin, Sarah Dina Mohd Adnan & Nang Naemah Nik Dahalan ... 180*

Konsep Kepimpinan Melayu Islam di Nusantara Menurut Teks *Bustan al-Salatin*  
*Shah Rul Anuar Nordin ... 188*

Prasasti Terengganu: Kepentingannya dalam Sejarah Tamadun Islam Alam Melayu  
*Nor Adina Abdul Kadir, Nang Naemah Nik Dahalan, Norsaeidah Jamaludin, Abdul Qayyum Abdul Razak & Khairul Nizam Abdul Aziz ... 199*

Kelangsungan Budaya Masyarakat Chetti Melaka Era Globalisasi  
*Siti Nurul Izza Hashim, Norafifah Ab Hamid, Rawi Nordin, Nor Rafedah Mohsan & Muhammad Faiz Mohd Fadzil ... 209*

Sejarah dan Implementasi Dekorasi Cina dalam Pembinaan Masjid Terawal di Malaysia  
*Nor Adina Abdul Kadir, S.Salahudin Suyurno, Sarah Dina Mohd Adnan, Noorfazreen Mohd Aris & Muaz Mohd Noor ... 223*

## ISLAMIC LITERATURE AND ART

Keindahan Konsep Tauhid dalam Rekabentuk Motif-motif Seni Tradisi Melayu  
*Shaliza Dasuki, Azahar Harun, Liza Marziana Mohammad Noh, Nur Hasliza Abdullah, Nurkhozilah Idris & Fazlina Mohd Radzi ... 239*

Identifying A Lotus Motif Transformation on The Melaka Traditional Mosque's Roof Crown in 1720-1950  
*Raziq Abdul Samat, Sharifah Shaari, Dona Lowii Madon, Meor Hasmadi Meor Hamzah & Nor Fariza Baharuddin ... 255*

Potensi Seni Iluminasi al-Qur'an Mushaf Malaysia  
*Nik Narimah Nik Abdullah, Mohd Hisham Johari, Ayob Wahid, Zahara Ramli, Muhamad Fauzi Harun, Anith Liyana Amin Nudin & Mohd Amin Mohd Noh... 263*

أثر التراث العربي الإسلامي في الرسم الأوروبي الحديث  
*شكيبيا مصطفى الشرنقية & محمود حسين عبد الرحمن ... 281*

Notes on the Ibadi Religious Architecture: A Comparative Study of the Mosques in Mزاب, Djerba and Oman  
*Naima Benkari ... 301*

Contemporary Telekung in Malaysia it's Challenges and Realities  
*Norzaleha Zainun, Jamiaah Abdul Holed & Zolina Mohamad ... 317*

The Development of Character Category in Jawi Typography-An Implementation in Typography Course in UiTM  
*Intan Nur Firdaus Muhammad fuad, Sharifah Raudzah S. Mahadi & Ahmad Khairul Azizi Ahmad ... 333*

Art Photography: Ideation and Influences of Islamic Geometric Patterns  
*Azmil Aswad Che Mat, Aidah Alias & Farihan Zahari ... 345*

The Reading of Tajwid in Surah Yaasin for Red-Green Colour Vision Deficiencies  
*Siti Sarah Adam Wan, Azahar Harun, Nur Hasliza Abdulah & Shaliza Dasuki ... 357*

## POLITICS AND GOVERNANCE

Peranan Sultan Abu al-Hasan 'Ali al-Marini dalam Kerajaan Banu Marin di Fas, al-Maghrib (1331-1351M)



*Mariam Farhana Md Nasir, Sarah Dina Mohd Adnan, Noorfazreen Mohd Aris, Hamidah Jalani & Muhammad Taufik Md Sharipp ... 365*

Sejarah Institusi Ketenteraan di Malaysia dan Sumbangan kepada Kelangsungan Ketamadunan  
*Burhanuddin Jalal, Sayuti Ab Ghani, Amnah Saayah & Redwan Yasin ... 380*

Perspektif Kitab Quran terhadap Bidang Pengurusan Rekod  
*Ahmad Azman Mohamad Ramli, Azmi Ab Rahman, Kasmarini Baharuddin, Mohd Naim Mohd Nasfi, Mohd Ridzuan Ibrahim & Abd Rashid Abd Rahman ... 397*

### **ISLAMIC ECONOMICS AND BUSSINES MANAGEMENT**

Etika Pengurusan Sumber Manusia bagi Muslimpreneurs dalam Perniagaan Berskala Kecil  
*Mohd Faizal P.Rameli, Suhaida Mohd. Amin, Dziauddin Sharif, Norajila Che Man & Noorfazreen Mohd Aris ... 413*

Paradigma Tauhid dalam Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)  
*Norajila Che Man, Muhammad Rahimi Osman & Mohd Faizal P.Rameli ... 427*

Wasatiyyah sebagai Asas Pembuatan Keputusan Pelabur Muslim  
*Noor Hasyimah Sulaiman, Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Che Zuina Ismail, Azarudin Awang & Rubiah Abu Bakar ... 445*

Penilaian Pakar dalam Model Konseptual Penggunaan Berhierarki Islam  
*Basri Abd. Ghani & Ahmad Azrin Adnan ... 453*

The Need to Work by Educated Muslim Women in Malaysia  
*Suhaida Mohd. Amin & Mohd Faizal P.Rameli ... 461*

The Impact of Macroeconomic Variables on FTSE Bursa Malaysia Emas Shariah Index  
*Siti Nurulhuda Ibrahim, Zuraini Abdul Hamid, Amirudin Mohd Nor, Fahmi Abdul Rahim & Noraznira Abd Razak ... 469*

Multimodal Analysis on Muslimah Cosmetic Billboards  
*Nor Atifah Mohamad, S. Salahudin Suyurno, Sumarni Maulan & Nazarul Azali Razali ... 489*

Determinants of Electronic Commerce Adoption: Case Study Among Small and Medium Enterprise (SME) in Klang Valley

*Nur Atiqah Zainuddin, Maymunah Ismail, Nurul Zamratul Asyikin Ahmad, Sharina Sharif, Maz Izuan Mazalan & Mohd Sufian Ab Kadir ... 501*

**Halal vs Non-Halal Cosmetic: Positioning in Malaysian Market**  
*Azahar Harun, Roszi Naszariah Nasni Naseri, Nur Hazwani, Zolkifly & Mastura Ayob ... 513*

**Total Quality Management and Halal Certification of Food Product in Malaysia**  
*Rizuwan Abu Karim, Nurazree Mahmud, Helmy Fadlisham Abu Hasan & Juan Rizal Sa'ari ... 519*

**Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal terhadap Produk Makanan Import oleh JAKIM**  
*Mohd Zaid Daud, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Nurzahidah Jaafar & Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah ... 527*

## **WAQF DEVELOPMENT IN MALAYSIA**

**Elemen Kekal Harta Wakaf: Analisis menurut Fuqaha dan Undang-undang di Malaysia**  
*Che Zuina Ismail, Azarudin Awang, Rubiah Abu Bakar, Noor Hasyimah Sulaiman & Wan Noor Hazlina Wan Jusoh ... 549*

**Sejarah Universiti al-Azhar sebagai Model Institusi Pendidikan Wakaf Terulung**  
*Mohd. Ali Muhamad Don ... 565*

**Pembangunan Tanah Wakaf Melalui Inovasi Istibdal**  
*Che Zuina Ismail, Rubiah Abu Bakar, Azarudin Awang, Noor Hasyimah Sulaiman & Wan Noor Hazlina Wan Jusoh ... 575*

**Pembangunan Wakaf Kesihatan: Model Operasi dan Pengurusan Hospital Waqaf An-Nur (HWAN)**  
*Norizah Mohamed @ Daud, Noorfazreen Mohd Aris, Sharipah Amirah Abas & Noraini Abd Muaziz ... 587*

**Urus Tadbir Hartanah Wakaf Melaka: Strategi Penambahbaikan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)**  
*Norajila Che Man, Rawi Nordin, Norafifah Ab Hamid & Nor Azlina Abd Wahab ... 601*

**Aktiviti Pembangunan Saham Wakaf di Johor**  
*Nurfarhana Mohd Daud, Emie Sylviana Mohd Zahid, Mohd Zainodin Mustaffa, Munirah Zakaria & Aflah Isa ... 613*

## CONTEMPORARY ISSUE OF ZAKAT IN MALAYSIA

Penetapan Had Kifayah Zakat Pelajar di UiTM: Satu Keperluan  
*Baharuddin Sayin, Azri Bhari, Mohd Afandi Mat Rani & Muhammad Nor Aman Jamaluddin ... 625*

Profil Asnaf Zakat di Kalangan Pelajar UiTM Melaka Kampus Bandaraya  
*Nor Rafedah Mohsan, Dziauddin Sharif, Norafifah Ab Hamid, Siti Nurul Izza, Hashim & Rizuan Abu Karim ... 635*

Pengambilan Hukum Uruf dalam Zakat Emas Perhiasan Negeri-negeri di Utara Malaysia  
*Noraini Saro & Rawi Nordin ... 643*

Aktiviti Pembangunan Spiritual Bagi Asnaf Zakat Fakir dan Miskin di Selangor  
*Emie Sylviana Mohd Zahid, Mohd Zainodin Mustaffa, Nurfarhana Mohd Daud & Mahasin Saja@Mearaj ... 651*

## ISLAMIC PHILANTHROPY AND HOSPITALITY

Crowdfunding: A New Phenomenon of Philanthropic Method  
*Nurzahidah Jaafar, Siti Noorbiah Md Rejab, Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, Mohd Zaid Daud & Mazni Natasha Mohd Nasir ... 675*

Corporate Philanthropy as A Corporate Social Responsibility Component: An Islamic Perspective  
*Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Che Zuina Ismail, Noor Hasyimah Sulaiman & Azarudin Awang ... 687*

Travel Patterns of People with Physical Disabilities in Attractions Sector of Selangor's Tourism Industry  
*Nurul Fatin Nabila Md Nafiah Intan Farhana Abd.Karim, Nurul Zamratul Asyikin Ahmad, Sharina Shariff, Mohd Sufian Ab Kadir & Maz Izuan Mazalan ... 695*

## MANAGEMENT IN ISLAMIC PERSPECTIVE

Siapakah yang Sayang: Pengurusan Gerontologi Kajian di Rumah Amal Baitul Rahmah, Rawang

*Nurzahidah Jaafar, Suliah Mohd Aris, Fadhilah Adibah Ismail, Rafeah Saidon & Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah.... 711*

An Insight into The Islamic Manufacturing Practices (IMP)

*Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, Mohd Zaid Daud, Nurzahidah Jaapar & Thuraya Ahmad ... 723*

Shariah Risk Profiling Through Shariah Based Business Modelling: A Rectification Plan for Shariah Audit Finding (SNCR-01) for Company XYZ

*Mohd Helmi Ahmad & Najahuddin Lateh ... 737*

Qualitative Characteristics Accounting Information of Kariah Mosque: A Concept Paper

*Masita Hassan, Salina Abdullah, Rahayu Mohd Sihat & Norlinda Tendot Abu Bakar ... 749*

Sulh Approach in The Education Loan's Repayment: The Study on Education Loan of The National Higher Education Fund Corporation (PTPTN)

*Dziauddin Sharif, Norajila Che Man, Zainab Mohd Zain, Nasif Sidquee Pauzi & Ahmad Faiz Ahmad Ubaidah ... 757*

Assessing Managers' Perception towards Fitness: Examining A Few Procedures and Steps

*Saidin Wan Ismail & Norzaidi Mohd. Daud... 765*

#### CONTEMPORARY ISSUES IN ISLAMIC JURISPRUDENCE

Ta'liq Talak: Antara Peruntukan Perundangan dan Amalan di Melaka

*Noormala Rabu, Halipah Hamzah, Mohd Fauzi Md Isa & Zainal Fikri Zamzuri ... 791*

Dilema Hak Suami Pasca Penceraian: Suatu Penelitian Awal di Malaysia

*Mohd Ab Malek Md Shah, Zunaidah Ab Hasan, Sulaiman Mahzan, Marziana Abd Malib, Akmal Adanan & Mohamad Daim Darson ... 799*

Penjagaan Akal Menurut Perspektif Islam dalam Konteks Maqasid Syariah

*Fadhilah Adibah Ismail, Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, Kamariah Yusoff, Azizah Zakaria & Norsalwati Sabtu ... 809*

Maqasid Syariah dalam Pelancongan

*Nor Azlina Abd Wahab, Norajila Che Man, Rawi Nordin, Mohamad Shafiei Ayub & Mohd Zaid Mustafar ... 817*

Pengurusan Harta Menurut Islam: Analisa Menurut Perspektif Maqasid Syariah  
*Nor Azlina Abd Wahab, Norajila Che Man, Norafifah Ab Hamid & Rawi Nordin ... 835*

علم الفروق الأصولية: منهجية تجديدية في تأليف علم الأصول  
*(The Science of Usuli Nuances: a Renewal Method of Writing in Usul al-Fiqh)*  
...847 مصطفى بن محمد جبري شمس الدين

The Wisdom of Polygamy in Islam: The Law and Customary Practice in Afghanistan  
*Nasir Ahmad Yousefi... 865*

Pendekatan Fuqaha dalam Memahami Illah Riba bagi Emas dan Perak  
*Mohd Asyadi Redzuan, Mohamad Zaki Razaly, Mohd Zainodin Mustaffa & Siti Noor Ain Aziz ... 879*

#### CONTEMPORARY ISSUES OF DAKWAH IN MALAYSIA

Konsep Amar Makruf Nahi Mungkar dalam Kerangka Dakwah Islam  
*Razali Musa, Wan Hishamudin Wan Jusoh, Mohd Shahril Othman, Syed Hadzrullathfi Syed Omar & Mohd Safri Ali ... 889*

Pengurusan Akidah di Malaysia Secara Berorganisasi: Satu Tinjauan Awal  
Tentang Jalinan antara Institusi Islam Kerajaan Pusat dan Negeri di Malaysia  
*Sophian Rambli & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi ... 895*

Toleransi Agama dalam Kehidupan Komuniti Muslim Baharu: Tinjauan dari Aspek Cabaran  
*Azarudin Awang, Che Zuina Ismail, Azman Che Mat & Rubiah Abu Bakar ... 901*

Kartun Bertemakan Dakwah Islamiyah Atas Talian: Interpretasi Dakwah Sarkastik Dan Satira  
*Fazlina Mohd Radzi & Azahar Harun ... 909*

The Correlation Between Salah (Prayers) and Students' Academic Performance  
*Che Haslina Abdullah, Mahanim Omar, Raja Rosila Raja Berahim, Nur Afiqah Ab Latif & Che Nooryohana Zulkifli... 921*

Peranan Laman Facebook dalam Penyampaian Maklumat Pengurusan Pusaka  
*Mohd Khairy Kamarudin, Mohd Hafizie Suhaimi & Nasrul Hisyam Nor Muhamad... 931*

Muslims in South Korea: The Way of Life

*Mahsuri Khalid, Ashirah Fatimah Mohd, Nurauni Aqilah Mohd Khir,  
Nur Nabila Mazlan, Nur Farhanah Mahamad Halid & Noraini Jamal... 943*

Kajian Awal Tahap Kesukarelawan di Kalangan Rakyat Johor, Malaysia

*Nik Rozilaini Wan Mohamed, Abdul Rasid Abdul Razzaq, Rohayu Roddin & Nor  
Asikin Shaharuddin... 963*

Perubahan Akhlak Saudara Kita Selepas Memeluk Islam di Johor

*Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Mohd Farhan Ahmad, Noraishah P Othman,  
Siti Fairuz Sujak & Luqmanulhakim Ab Rahman... 969*

Dakwah Melalui Media Sosial: Penerimaan dalam Kalangan  
Warga IPD Setiu, Terengganu

*Azman Che Mat, Khairul Azhar Abd. Karim, Azarudin Awang,  
Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, Nor Shaifura Musilehat &  
Ahmad Zulfadhli Nukman... 987*

## ISLAM AND COMMUNICATION

Akhlak Terbina Komunikasi Sempurna

*S.Salahudin Suyurno, Mohammad Taufik Md Sharipp, Mohd Shafie Ayub,  
Mohd Zaid Mustafar & Mohd Zin Junoh ... 997*

Aplikasi Syarat Kesahihan Hadith terhadap Model Komunikasi Berkesan

*Muhammad Taufik Md Sharipp, Muhammad Faidz Mohd Fadzil, Mohd Zaid  
Mustafar, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz & S Salahudin Suyurno ... 1005*

Komunikasi IntraPersonal dalam Dialog antara Agama:

Pengalaman Saudara Baru

*Azarudin Awang, Che Zuina Ismail, Azman Che Mat, Noor, Hasyimah Sulaiman  
& Wan Noor Hazlina Wan Jusoh ... 1015*

Pembangunan dan Pengesahsahihan Instrumen *Manhaj Rabbāniyyah* sebagai  
Indikator Komunikator Islam

*Muhammad Taufik Md Sharipp, S Salahudin Suyurno, Mohamad Shafiei Ayub,  
Abdul Raf Ridzuan & Mariam Farhana Md Nasir ... 1023*

Media Baharu dan Budaya Popular Islam: Peranan dan Realiti

*Aini Faezah Ramlan, S Salahudin Suyurno, Muhamad Shafie Ayub, Rosilawati  
Sultan Mohideen & Abdul Qayyum Abd Razak ... 1031*

Unsur-unsur Takmilah dalam Filem Islam

*Mohamad Shafiei Ayub, Muhammad Taufik Md Sharipp, Aini Faezah Ramlan, Abdul Qayyum Abdul Razak, S Salahudin Suyurno & Ahmad Faiz Ahmad Ubaidah ... 1037*

## ISLAMIC EDUCATION DEVELOPMENT

Gagasan Madrasah Al-Zahra': Penubuhan Universiti Islam di Akhir Kerajaan Turki Uthmani

*Mohd Nasir Ayub, Surita Hartini Mat Hassan, Muaz Mohd Noor, Noor Hidayah Kasim & Rafidah Amat ... 1055*

Kaedah Hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas

*Siti Suriyani Sulaiman ... 1071*

Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dan Pencapaian Pelajar Bahasa Arab

*Azman Che Mat, Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Azarudin Awang, Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, Nor Shaifura Musilehat & Ahmad Zulfadhli Nukman ... 1087*

Perlaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital bagi Kursus CTU 281: Kesan terhadap Prestasi Akademik dan Motivasi Diri Pelajar Grafik di UiTM Alor Gajah

*Ilinadia Jamil, Azahar Harun, Fatrisha Mohamed Yusoff, Nor Yus Shahirah Hassan & Fazlina Mohd Radzi ... 1095*

Analisis Kerelevanan Kurikulum Kursus Pemikiran dan Tamadun Islam (CTU151) terhadap Pelajar di UiTM

*Rubiah Abu Bakar, Che Zuina Ismail, Azarudin Awang & Noor Hasyimah Sulaiman ... 1107*

Hadith's Source of Reference Finder Browser Extension

*Mohamad Hafiz Khairuddin, Nur Azalizana Ahmad Saru, Mohd Hafifi Mohd Supir, Anwar Farhan Zolkeplay & Mohd Taufik Mishan... 1117*

Peranan IPTA dan IPTS dalam Menerapkan Pendidikan al-Quran di dalam Kurikulum sebagai Kursus Teras bagi Semua Pelajar Islam di Malaysia: Kajian Awal di Beberapa Buah IPT di Malaysia

*Nor Ashiqeen Jamaluddin, Raihana Farahiyah Abdul Rahman, Sulaiman Shakib Mohd Noor & Mohd Nazir Kadir... 1127*

Hukum Kanun Brunei dan Hukum Kanun Melaka: Suatu Ristaan Sejarah  
*Haji Dzulkiflee Haji Abdul Latif... 1143*

جهود علماء المسلمين في مجال الطب وأثره على الحضارة الإنسانية

1155 ... د. محمد مرسلين محمد إسماعيل



2nd International Islamic  
Heritage Conference 2017







2nd International Islamic  
Heritage Conference 2017

---

# Foreword

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*Bismillahirrahmanirrahim.* All praise to Allah SWT. Blessing and Prayers be upon Prophet Muhammad SAW, and also to his family members, kindred's, companions and his followers who adhere faithfully to his teaching.

I would like to express my gratitude for this invitation to write a few words in conjunction of this proceeding. Heartiest congratulations go to the organizers of the 2<sup>nd</sup> International Islamic Heritage Conference 2017 (2<sup>nd</sup> IsHeC2017) that was held on 14<sup>th</sup> – 15<sup>th</sup> November 2017. Congratulations also to the editors for their efforts in publishing the articles presented at the 2<sup>nd</sup> IsHeC2017.

*Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference 2017* is a very noble effort as it adds to the corpus of literature on Islamic based research in various disciplines of knowledge. I hope that this proceeding can be a catalyst for the germination and strengthening of Islamic knowledge.

Finally, I wish to extend my sincere appreciation to all parties involved in the publication of this proceeding especially Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) UiTM Melaka, Center for Islamic Philanthropy and Social Finance (CIPSF), Pusat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (PJI & A) UiTM Melaka and the authors for their contribution.

DATUK PROF. MADYA SABARIAH MAHAT

Rektor,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka,  
Alor Gajah, Melaka.

ISHHC



---

2nd International Islamic  
Heritage Conference 2017

---

# Preface

---

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful. All praise is due to Allah SWT, the Almighty. We all praise Him, seek His Help, and ask for His Forgiveness. We seek refuge with Him from the evil of our souls, and from our sinful deeds. He whom Allah SWT guides, no one can misguide him, and whoever Allah SWT misguides, no one can guide him. Blessings and prayers upon His Messenger Prophet Muhammad SAW. We would like to express our thorough and sincere gratefulness to Allah the Almighty, who has given us the opportunity to write, edit and complete the *Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference 2017*.

We wish to extend our appreciation to YBhg. Datuk Associate Professor Sabariah Hj. Mahat, Rector of Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka for her full encouragement in ensuring the success of the 2<sup>nd</sup> IsHeC2017 and also the publication of this proceeding. Special thanks to YBrs. Associate Professor Dr. Shafinar Ismail, Deputy Rector of Research and Industrial Linkage UiTM Cawangan Melaka for her continuous support in 2<sup>nd</sup> IsHeC2017.

A great deal of appreciation also goes to the Center for Islamic Philanthropy and Islamic Finance (CIPSF), Uni-Charity Society, ACIS UiTM Cawangan Melaka and UiTM Press for their tremendous effort in making the 2<sup>nd</sup> IsHeC2017 a success.

This proceeding comprises the articles that were presented in 2<sup>nd</sup> IsHeC2017 which held on 14 hingga 15 November 2017 at Avillion Hotel Melaka.

Hopefully, the *Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference 2017* will give a clearer view of various contemporary issues in Islamic-based research in this country and the Muslim world as a whole. Finally, we hope that this proceeding may inspire and motivate its readers in initiating attempts and contributions for the sake of Muslim ummah.

MOHD FAIZAL P. RAMELI  
ABDUL QAYUUM ABDUL RAZAK  
MUHAMAD TAUFIK MD SHARIPP  
MOHD ZAID MUSTAFAR  
MOHD KHAIRUL NIZAM MOHD AZIZ  
RAWI NORDIN  
S. SALAHUDIN SUYURNO  
DZIAUDDIN SHARIF

Editor

*Proceeding of 2<sup>nd</sup> Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017)*



2nd International Islamic  
Heritage Conference 2017

---

## PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN HALAL TERHADAP PRODUK MAKANAN IMPORT OLEH JAKIM

Mohd Zaid Daud<sup>1</sup> Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim<sup>2</sup>  
Nurzahidah Hj Jaafar<sup>3</sup> Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah<sup>4</sup>

### ABSTRAK

Industri produk makanan halal di Malaysia secara global telah menunjukkan kadar peningkatan yang ketara. Pasaran produk makanan halal bukan sahaja menarik minat kepada negara yang majoritinya adalah Muslim, bahkan negara yang majoriti bukan-Muslim turut berminat terhadap pasaran produk makanan halal. Dalam hal ini, ia melibatkan proses import dan eksport antara negara secara global. Prospek pasaran makanan halal ini dilihat mampu untuk meningkatkan pendapatan negara dan secara tidak langsung menambah pendapatan pengimport / pengeksport yang merupakan Muslim dan bukan-Muslim. Kemasukan produk import ke dalam negara ini telah memberi kesan kepada pengurusan pemantauan dan penguatkuasaan bagi menjamin status kehalalan produk makanan yang diimport. Oleh itu, pendekatan pengurusan sesebuah organisasi haruslah sentiasa holistik dan komprehensif kerana ia memerlukan tanggungjawab yang berterusan bagi menjamin status kehalalan produk import yang dipasarkan. Walau bagaimanapun, kesan daripada pengimportan makanan halal ke dalam negara telah membawa kepada beberapa isu utama iaitu pemalsuan dan penyalahgunaan sijil dan logo halal, serta ketidakpatuhan produk makanan import yang mengandungi bahan yang tidak halal. Oleh yang demikian, pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan perlu dilaksanakan untuk menangani permasalahan ini. Maka, kajian ini adalah untuk melihat pengurusan pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jakim terhadap produk makanan import yang dipasarkan di Malaysia .

**Kata Kunci** : pemantauan, penguatkuasaan, halal, produk makanan, import, JAKIM

### PENDAHULUAN

Di Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) adalah sebuah agensi yang telah diberi mandat oleh Kerajaan Persekutuan untuk memproses, mengesah serta mengeluarkan sijil dan logo halal. Ini termasuklah terhadap kesemua barang

---

<sup>1</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Selangor, Kampus Shah Alam, email: [mohdzaid@salam.uitm.edu.my](mailto:mohdzaid@salam.uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

<sup>3</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam, email: [nurzah8883@puncakalam.uitm.edu.my](mailto:nurzah8883@puncakalam.uitm.edu.my).

<sup>4</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Selangor, Kampus Shah Alam, email: [mujahidah\\_0982@yahoo.com](mailto:mujahidah_0982@yahoo.com).

dagangan tempatan atau import yang memperihalkan status halal pada produk mereka. Skim Pensijilan Halal Malaysia dikeluarkan kepada tujuh kategori iaitu, produk makanan, minuman dan makanan tambahan, premis makanan dan hotel, barang gunaan kosmetik dan dandanan diri, rumah sembelihan, farmaseutikal dan logistik (Jakim 2014). Pemohonan pensijilan halal Malaysia terbuka kepada semua pengusaha barang dagangan yang berminat dan bersifat sukarela. Sijil pengesahan halal dikeluarkan kepada pemohon apabila telah lulus semua syarat-syarat dan peraturan-peraturan pensijilan halal Malaysia. Setiap pemilik pensijilan halal ini terikat dengan peraturan serta undang-undang yang telah ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia seperti Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Makanan 1983.

Bagi memastikan produk makanan import mendapat pengesahan halal yang sentiasa diperbaharui status halal dan toyyibanya maka adalah menjadi satu keutamaan bagi pihak Jakim melakukan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap produk dan premis pengusaha syarikat tersebut. Justeru, proses pemantauan dan penguatkuasaan sijil halal dan pengesahan logo halal antarabangsa merupakan satu proses pengurusan yang amat penting bagi menjamin makanan import yang masuk ke dalam negara mempunyai status kehalalan yang terjamin. Ia bukan sahaja meliputi isu-isu pengurusan dan sistem komunikasi, tetapi juga melibatkan faktor yang mempengaruhi kualiti pengurusan. Oleh itu, pendekatan pengurusan sesebuah organisasi haruslah sentiasa holistik dan komprehensif kerana pengurusan pengiktirafan produk halal melibatkan pelbagai pihak dan kerjasama daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab haruslah sentiasa berterusan bagi menjamin produk makanan import yang masuk ke pasaran Malaysia sentiasa halal dan toyyiba.

## **PENGLIBATAN JAKIM TERHADAP PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN HALAL DI MALAYSIA**

Penglibatan Jakim terhadap pengurusan pemantauan dan penguatkuasaan halal di Malaysia adalah melalui Perlembagaan Persekutuan Malaysia seperti yang termaktub di dalam Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011). Secara dasarnya penguatkuasaan berhubung dengan ungkapan 'Halal' yang dilaksanakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 terbahagi kepada dua, pertama, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan kedua, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011.

**Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011** : Penggunaan perihal 'Halal' atau dengan apa-apa ungkapan lain oleh peniaga tidak diwajibkan di bawah undang-undang yang sedia ada. Walau bagaimanapun, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 memperuntukkan bahawa apabila suatu makanan atau barang-barang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan makanan atau barang-barang itu boleh dimakan atau digunakan oleh orang Islam, ungkapan tersebut bererti makanan atau barang-barang itu bukanlah dan tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda daripada binatang yang dilarang oleh hukum syarak bagi



orang Islam untuk memakannya atau yang tidak disembelih mengikut hukum syarak. Tambahan itu, apabila barangan tersebut diperihalkan sebagai halal juga mestilah tidak mengandungi apa-apa benda yang najis mengikut hukum syarak, tidak memabukkan mengikut hukum syarak, tidak mengandungi mana-mana bahagian anggota manusia atau hasil daripadanya yang tidak dibenarkan oleh hukum syarak, tidak beracun atau memudaratkan kesihatan, tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan apa-apa peralatan yang dicemari najis mengikut hukum syarak tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang dikatakan tidak halal dan memberhaya. Selain itu, apabila perkhidmatan berhubung dengan makanan atau barang-barang, termasuk pengangkutan, penyimpanan dan pemrosesan bahan mentah, penyajian dan peruncitan makanan atau barang-barang tersebut diperihalkan sebagai halal, ungkapan tersebut bererti perkhidmatan itu dijalankan mengikut hukum Syarak.

Mana-mana individu yang menyalahi perintah tersebut adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM 1 juta atau dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya bagi individu. Manakala penalti untuk syarikat atau pertubuhan perbadanan ialah denda sehingga RM 5 juta.

**Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011:** Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 hanya memperuntukkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Majlis Agama Islam bagi Negeri-Negeri (MAIN) masing-masing dilantik menjadi pihak berkuasa berwajib untuk memperaku bahawa mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu adalah halal mengikut Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

Di bawah Perintah ini, semua makanan, barang-barang atau perhidmatan tidak boleh diperihalkan sebagai halal melainkan ia diperakuan sebagai halal oleh pihak berkuasa berwajib (Jakim atau MAIN) dan ditandakan dengan logo yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwajib (Jakim atau MAIN). Sesiapa sahaja yang menyalahi perintah tersebut adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM100,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya bagi individu. Manakala penalti untuk pertubuhan perbadanan ialah denda sehingga RM250,000.00. Justeru, akta ini telah memberi kuasa kepada Jakim, JAIN dan MAIN bagi menjalankan penguatkuasaan bersama-sama KPDNKK terhadap setiap barang dagangan yang memperihalkan status halal.

#### **PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN HALAL JAKIM**

Pelaksanaan pemantauan dan penguatkuasaan halal Jakim adalah dijalankan mengikut skim pensijilan halal yang telah dikeluarkan oleh Jakim. Skim pensijilan halal Jakim terbahagi kepada tujuh jenis pensijilan halal Malaysia iaitu Produk Makanan, Minuman dan Makanan Tambahan, Premis Makanan dan Hotel, Barang

Gunaan, Kosmetik dan Dandanannya, Rumah Sembelihan, Farmaseutikel dan Logistik (Jakim 2014).

Walaupun menerusi Akta Perihal Dagangan 2011 menyatakan bahawa Jakim, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) mempunyai autoriti yang berkaitan dengan perbahasan halal dalam melaksanakan pemantauan secara bersendirian, namun bagi melancarkan lagi proses pengurusan pemantauan dan penguatkuasaan halal terhadap tujuh skim yang disenaraikan, Jakim juga mengadakan kerjasama bersepadu diantara agensi kerajaan yang lain semasa pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan.

Antaranya adalah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Ini kerana akta yang tertakluk keatas Jakim adalah sebuah akta dibawah akta KPDNKK. Jakim juga mengadakan kerjasama bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini bagi memudahkan Jakim mengadakan pemantauan dan penguatkuasaan mengikut tempat dan negeri yang terbabit. Bagi urusan pemantauan dan penguatkuasaan yang melibatkan pemprosesan daging, Jakim akan bekerjasama bersama Jabatan Pemeriksaan Veterinar (JPV). Bagi urusan keselamatan makanan halal, Jakim akan bekerjasama bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Bahagian Penguatkuasa Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (FOSIM). Jakim juga akan mengadakan kerjasama bersama Polis di-Raja Malaysia (PDRM) dan pelbagai badan dan agensi kerajaan lain mengikut situasi pemeriksaan pemantauan dan penguatkuasaan yang dilakukan (Jakim 2013).

Dari aspek undang-undang, pemeriksaan pemantauan dan penguatkuasaan halal ini adalah terikat dengan undang-undang berkaitan yang diamalkan dan dikuatkuasakan di Malaysia. Antara undang-undang tersebut ialah (Jakim 2014a) :

#### Akta Perihal Dagangan 2011

Manual prosedur pensijilan halal Malaysia 2011

Akta Makanan 1983 (Akta 281), Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009

Animal Rules 1962 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Peraturan Haiwan 1962, Akta Rumah Penyembelihan (Penswastan) 1993 dan Akta Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran) 1983

Akta Kastam 1967 (Larangan Mengenai Import 1998)

Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Akta/Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri

Akta Cap Dagangan 1976

Setiap akta yang dinyatakan ini adalah terpakai sewaktu proses pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan mengikut situasi pemeriksaan dan pendakwaan.

### **Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal Jakim terhadap Produk Makanan**

Di Malaysia, produk makanan halal merupakan salah satu barangan yang akan dikenakan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan. Ini kerana produk makanan halal merupakan perkara yang berkait dengan sensitiviti keagamaan terutamanya bagi penganut yang beragama Islam. Disebabkan Jakim, JAIN dan MAIN merupakan badan kerajaan yang menjalankan perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Islam, maka, pengurusan produk makanan halal diletakkan di bawah Jakim, JAIN dan MAIN. Ini kerana badan-badan kerajaan tersebut merupakan badan berwibawa yang disebut di dalam Akta Perihal Dagangan 2011 sebagai pengurus pensijilan halal terhadap setiap perkara yang berkaitan dengan halal di Malaysia (APD 2011).

Jenis produk makanan yang dipantau dan dikuatkuasa oleh Jakim juga diklasifikasikan kepada dua iaitu terhadap produk makanan tempatan dan produk makanan yang diimport dari luar negara ke pasaran Malaysia. Menerusi kajian ini, kajian akan mengkaji pengurusan pemantauan dan penguatkuasaan halal yang dijalankan khusus terhadap produk makanan import yang dipasarkan di Malaysia.

### **PENGURUSAN PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN HALAL JAKIM TERHADAP PRODUK MAKANAN IMPORT**

Secara asasnya, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) yang diwartakan oleh Jakim hanya tertakluk keatas produk yang menggunakan pensijilan halal Jakim sahaja. Justeru, kajian telah memperoleh maklumat yang lebih terperinci menerusi temu bual yang dilakukan bersama informan yang terlibat bagi mendapatkan penjelasan serta maklumat yang lebih terperinci bagaimana proses pemantauan dan penguatkuasaan terhadap produk makanan import yang di pasarkan di Malaysia.

Menurut Noor Azmi (2015), prosedur pengurusan pemantauan dan penguatkuasaan halal terhadap produk makanan import adalah bergantung kepada pengesahan pensijilan halal yang diperolehi. Setiap pengurusan pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan adalah bergantung dengan skim pensijilan yang digunakan oleh produk makanan import berkenaan. Walaupun skim pensijilan halal dan logo halal ke atas produk makanan import ini tidak didokumentasikan secara khusus, namun kajian merumuskan daripada hasil temu bual yang diperolehi bersama informan menunjukkan skim pensijilan halal ini boleh dikategorikan kepada tiga jenis pensijilan iaitu:

Produk makanan import yang menggunakan pensijilan halal dan logo halal JAKIM.

Produk makanan import yang menggunakan pensijilan halal dan logo halal badan Islam luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM.

Produk makanan import yang tidak menggunakan pensijilan halal dan logo halal JAKIM atau badan Islam luar negara yang diiktiraf JAKIM.

Maka, setiap prosedur pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan ke atas produk tersebut adalah berlainan dan menggunakan garis panduan yang berlainan.

### **Pengurusan Pemantauan dan Penguatkuasaan Produk Makanan Import yang Menggunakan Pensijilan dan Logo Halal JAKIM**

Bagi produk makanan import yang menggunakan pensijilan logo halal JAKIM, prosedur pemantauan dan penguatkuasaan yang digunakan adalah sama seperti prosedur pemantauan dan penguatkuasaan terhadap produk makanan dan minuman tempatan yang menggunakan pensijilan serta logo halal JAKIM. Justeru, setiap pengusaha produk makanan import yang memohon pensijilan halal Malaysia dan ingin memasarkan produk makanan mereka ke dalam pasaran Malaysia wajib membuka syarikat di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai wakil atau agen pemilik produk makanan import yang ingin dipasarkan (JAKIM 2014b). Dengan tertubuhnya syarikat yang berdaftar di bawah SSM ini juga membantu pihak JAKIM membuat pemantauan dan penguatkuasaan serta pendakwaannya sekiranya produk makanan import tersebut melanggar garis panduan yang telah ditetapkan.

Garis panduan yang digunakan ke atas produk makanan import yang menggunakan pensijilan dan logo halal JAKIM adalah sama seperti yang telah termaktub di dalam pekeliling halal Malaysia bilangan 2 tahun 2014, di bawah pelaksanaan manual prosedur pensijilan halal Malaysia semakan ketiga (JAKIM 2014c). Tambahan itu, setiap produk makanan import yang dipasarkan di Malaysia juga, perlu mencapai standard makanan halal Malaysia (MS) yang telah ditetapkan oleh Jabatan Standard Malaysia (MS).

Prosedur pemantauan dan penguatkuasaan ini hanya akan dijalankan ke atas semua pemegang sijil pengesahan halal Malaysia atau dengan kata lain setiap produk makanan dan minuman tidak kira dihasilkan di dalam Malaysia ataupun di luar negara yang menggunakan logo halal JAKIM. Kajian mendapati disebabkan permohonan pensijilan halal JAKIM adalah bersifat sukarela dan bukannya wajib (Lokman 2004), setiap produk makanan yang tidak memohon untuk menggunakan pensijilan halal JAKIM dan tidak mempamerkan apa jua logo halal yang berkaitan dengan logo halal JAKIM, maka tiada tindakan pemantauan dan penguatkuasaan yang akan dijalankan ke atas produk tersebut, kerana ia di luar bidang kuasa pemantauan dan penguatkuasaan JAKIM (Noor Azmi 2015).

### **Prosedur Pemantauan dan Penguatkuasaan yang dijalankan Terhadap Produk Makanan Import yang menggunakan Pensijilan dan Logo Halal JAKIM**

Prosedur pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan terhadap produk makanan import yang menggunakan pensijilan dan logo halal Jakim adalah bergantung kepada jenis pemeriksaan yang dilakukan. Pemeriksaan yang dijalankan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pemeriksaan pemantauan dan pemeriksaan penguatkuasaan. Pemeriksaan pemantauan boleh dikategorikan kepada dua kaedah iaitu pemeriksaan pemantauan secara berkala dan pemeriksaan

pemantauan secara susulan. Manakala, pemeriksaan penguatkuasaan juga dikategorikan kepada dua kaedah iaitu pemeriksaan penguatkuasaan secara berasaskan aduan dan pemeriksaan penguatkuasaan pencegahan (JAKIM 2013a) (Noor Azmi 2015).

**a. Prosedur Pemantauan dan Penguatkuasaan**

**i. Pemeriksaan Pemantauan Berkala dan Susulan:** Pemeriksaan berkala ialah pemeriksaan yang dijalankan secara terancang dan berterusan dari semasa ke semasa terhadap pemegang pensijilan halal JAKIM. Pemeriksaan ini dijalankan bagi menilai kepatuhan terhadap pensijilan dan penggunaan logo serta piawaian halal yang telah digariskan. Pemeriksaan ini dijalankan secara mengejut dan tidak dirancang kepada pengusaha syarikat atau pengedar produk makanan tersebut (JAKIM 2014d) (Noor Azmi 2015).

Menurut Noor Azmi (2015), pemeriksaan berkala ini merupakan pemantauan asas yang dilakukan terhadap setiap pemegang pensijilan halal JAKIM tidak kira produk tersebut dihasilkan di dalam negara atau produk yang dihasilkan di luar negara. Ini kerana pemeriksaan berkala akan dilakukan terhadap mana-mana produk yang menggunakan pensijilan dan logo halal JAKIM.

Menerusi pemeriksaan berkala, JAKIM dan JAIN/MAIN berkuasa untuk mengadakan pemeriksaan pemantauan terhadap produk yang menggunakan pensijilan dan logo halal JAKIM. Cuma perbezaan kuasa antara JAKIM dan JAIN/MAIN adalah JAKIM berhak melakukan pemeriksaan pemantauan di setiap negeri di Malaysia, akan tetapi, JAIN/MAIN hanya berhak melakukan pemeriksaan pemantauan mengikut negeri masing-masing sahaja (Noor Azmi 2015).

Semasa pemeriksaan pemantauan secara berkala dilakukan, sekiranya terdapat pengusaha atau pengedar produk makanan import melanggar garis panduan pensijilan halal yang telah ditetapkan, maka tindakan boleh diambil mengikut kategori kesalahan yang dilakukan. Kebiasaannya, tindakan seperti arahan penggantungan sijil dan penarikan penggunaan logo halal akan dikeluarkan terhadap mereka mengikut kategori kesalahan yang dilakukan (Noor Azmi 2015).

Tujuan arahan penggantungan pensijilan dan penarikan penggunaan logo halal ini adalah untuk memberi amaran kepada pengusaha atau pengedar syarikat produk makanan import tersebut agar mematuhi semula segala garis panduan pensijilan halal yang telah ditetapkan. Sebuah notis akan dikeluarkan sebagai notis penggantungan pensijilan halal kepada syarikat tersebut sehinggalah syarikat tersebut mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Disepanjang notis tersebut dikeluarkan, pemeriksaan susulan akan dilakukan oleh pihak JAKIM (Noor Azmi 2015).

Pemeriksaan pemantauan secara susulan adalah pemeriksaan yang dilakukan terhadap syarikat yang gagal mematuhi prosedur pensijilan halal berdasarkan pemeriksaan pemantauan yang telah dilakukan. Pemeriksaan susulan ini dilakukan bagi memastikan syarikat yang diberi notis untuk mematuhi semula garis panduan yang telah ditetapkan agar tidak menggunakan pensijilan halal dan

logo halal pada produk makanan yang dihasilkan disepanjang penggantungan pensijilan halal terhadap produk makanan tersebut (JAKIM 2014d).

Sekiranya semasa pemeriksaan pemantauan secara susulan dijalankan dan mendapati produk makanan import yang telah diberi notis penggantungan halal masih lagi mempamerkan logo halal JAKIM, maka tindakan penguatkuasaan akan dijalankan tertakluk kepada Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) (Noor Azmi 2015).

**ii. Pemeriksaan Penguatkuasaan Aduan dan Pencegahan:** Jenis pemeriksaan seterusnya adalah pemeriksaan penguatkuasaan yang dijalankan atas aduan pengguna dan orang awam mengenai penyalahgunaan logo halal atau pensijilan halal JAKIM yang sah (JAKIM 2014d). Hal ini termasuklah sekiranya terdapat aduan keraguan terhadap ramuan produk makanan yang telah dipasarkan (Noraine 2010).

Pemeriksaan ini akan dilakukan oleh JAKIM/JAIN/MAIN bersama agensi penguatkuasa yang lain sama ada hasil daripada aduan orang awam atau pemeriksaan berkala (JAKIM 2014d). Setiap aduan yang diterima perlu direkodkan dan diklasifikasikan mengikut jenis sama ada berkaitan dengan pensijilan halal Malaysia atau di luar bidang kuasa JAKIM. Sekiranya aduan melibatkan pensijilan halal JAKIM maka tindakan akan di ambil. Sekiranya ia di luar bidang kuasa JAKIM, maka JAKIM akan menyerahkan kepada badan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan penguatkuasaan. Contoh aduan di luar bidang kuasa JAKIM adalah aduan barang-barang tiruan yang langsung tidak melibatkan berkenaan perihal halal (Noor Azmi 2015)

Sekiranya ia melibatkan bidang kuasa JAKIM, sebuah pasukan pemeriksa akan dibentuk. Aduan yang diterima juga diklasifikasikan kepada pegawai penguatkuasa dari badan kerajaan lain yang bakal terlibat di dalam kes tersebut. Ini kerana pemeriksaan penguatkuasaan jenis aduan dan pencegahan ini melibatkan badan penguatkuasa dari badan kerajaan yang lain mengikut kes aduan yang diterima.

Contohnya, sekiranya aduan yang diterima melibatkan kandungan bahan ramuan yang berbahaya, maka JAKIM akan mengklasifikasikan aduan tersebut kepada KKM dan FOSIM untuk bersama menjalankan pemeriksaan penguatkuasaan terhadap syarikat tersebut. Sekiranya aduan yang diterima melibatkan kes-kes besar seperti pencampuran ganja dan dadah di dalam produk makanan tersebut, maka pegawai penguatkuasa seperti Polis di Raja Malaysia akan turut serta semasa proses pemeriksaan penguatkuasa ini dijalankan (Noor Azmi 2015)

Semasa proses pemeriksaan penguatkuasaan dilakukan, para pegawai yang terlibat akan memberi notis penguatkuasaan kepada pengusaha atau pengedar produk makanan berkenaan. Notis penguatkuasaan ini bertujuan bagi memudahkan urusan pemeriksaan yang dijalankan terhadap syarikat tersebut. Para pegawai penguatkuasa berhak mengambil sampel produk makanan tersebut untuk dibuat uji kaji. Seterusnya pihak JAKIM bersama pegawai yang terlibat akan memfailkan dan mendokumentasikan kes daripada pemeriksaan yang dilakukan.



Laporan kes berkenaan akan diserahkan kepada badan panel pengesahan halal untuk membuat keputusan muktamad (JAKIM 2014d).

Badan panel pengesahan halal akan membentangkan fail kes di dalam mesyuarat panel pengesahan halal. Panel pengesahan kemudiannya akan memberi tiga langkah penyelesaian. Pertama, pemeriksaan akan dibuat semula bagi mengesahkan kesalahan yang dilakukan. Kedua, sijil halal akan dikembalikan sekiranya laporan yang diterima tidak sama selepas pemeriksaan semula dilakukan dan ketiga, sijil halal akan ditarik serta merta sekiranya pemeriksaan yang dilakukan bertepatan dengan laporan yang dikemukakan oleh pegawai pemantau (JAKIM 2014).

Sekiranya terbukti kesahihan aduan berkenaan, maka tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan akan diambil mengikut kategori kesalahan yang dilakukan. Kebiasannya, sijil halal terhadap produk makanan berkenaan akan ditarik sertamerta dan sebuah notis amaran pematuhan garis panduan akan dikeluarkan kepada pengusaha atau pengedar syarikat produk makanan berkenaan agar mematuhi manual prosedur yang telah ditetapkan (Noor Azmi 2015).

Di sepanjang notis amaran diberi, pemeriksaan susulan akan dilakukan ke atas syarikat yang terbabit agar tidak lagi menggunakan pensijilan halal dan logo halal pada produk makanan mereka. Sekiranya pengusaha dan pengedar produk makanan import makanan berkenaan gagal mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan didapati masih menggunakan logo halal JAKIM pada produk makanan berkenaan, maka tindakan penguatkuasaan akan dikenakan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) (Noor Azmi 2015).

## **b. Kategori Kesalahan dan Tindakan**

Setiap tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap produk makanan import yang telah dipantau adalah berdasarkan kepada kesalahan yang dilakukan. Kesalahan yang dilakukan boleh dikategorikan kepada tiga kategori kesalahan iaitu kesalahan kecil, kesalahan besar dan kesalahan serius (JAKIM 2014e).

**i. Kesalahan Kecil:** Kesalahan kecil yang didakwa semasa proses pemeriksaan dan pemantauan adalah kesalahan yang berbentuk teknikal. Kesalahan ini hanya memberi amaran dan arahan pembetulan oleh pegawai pemantau kepada pengusaha terbabit agar mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

Antara kesalahan yang tersenarai di bawah kesalahan kecil ini adalah faktor kebersihan dari sudut premis, peralatan, pekerja dan juga persekitaran. Sekiranya sewaktu pemantauan dilakukan, pengusaha atau pengedar produk makanan tersebut gagal mengemukakan dokumen yang dikehendaki akan menyebabkan tindakan kesalahan kecil ini boleh dikenakan (JAKIM 2014e). Sekiranya pengusaha produk makanan tersebut didapati melakukan kesalahan kecil, maka pensijilan halal yang telah diberikan akan digantung. Tindakan yang diambil oleh pegawai pemantau adalah dengan mengeluarkan notis pemantauan dan notis ketidakakuran. Notis amaran ini diberikan supaya pembetulan dapat dibuat serta merta atau diberi tempoh dalam masa 14 hari (Noor Azmi 201).

Selepas tempoh masa yang diberikan, pegawai pemantau sekali lagi akan melakukan pemeriksaan pemantauan susulan. Sekiranya didapati, pengusaha atau pengedar makanan tersebut gagal melaksanakan pembetulan, penggantungan sijil akan diteruskan (Noor Azmi 2015). Status sijil halal yang digantung tersebut adalah tertakluk kepada panel pengesahan halal sehingga panel tersebut berpuas hati untuk menyerahkan dan mengesahkan semula pensijilan halal produk makanan tersebut atau menarik pensijilan halal yang telah diberi (JAKIM 2014e).

**ii. Kesalahan Besar:** Kesalahan besar ini juga merupakan sebuah kesalahan teknikal, akan tetapi boleh dikenakan tindakan penarikan sijil pengesahan halal Malaysia. Bagi pengusaha atau pengedar yang didapati melakukan kesalahan besar ini, pegawai pemantau berhak menggantung pensijilan tersebut dan mengemukakan kepada panel pengesahan halal untuk melakukan keputusan muktamad (JAKIM 2014e).

Antara kesalahan besar yang boleh dikenakan tindakan tersebut ialah sekiranya terdapat perubahan atau penambahan pembekal yang tidak mendapat pengesahan halal dari JAKIM, MAIN atau JAIN. Selain itu, kes-kes seperti mengubahsuai maklumat yang terdapat pada sijil halal, menggunakan dan mempamerkan sijil pengesahan yang tamat tempoh serta penambahan bahan ramuan yang telah diisytiharkan di dalam borang permohonan juga merupakan satu kesalahan besar yang boleh diambil tindakan (JAKIM 2014e).

Bagi kesalahan teknikal seperti tiada pekerja muslim yang memproses produk makanan tersebut serta terdapat alat atau unsur penyembahan agama yang terletak di kawasan pemprosesan juga merupakan satu kesalahan besar yang boleh dikenakan tindakan. Bagi setiap kesalahan yang dinyatakan, tindakan yang akan diambil adalah sijil pengesahan halal digantung sertamerta (Noor Azmi 2015) tanpa amaran. Pegawai pemantau yang menjalankan pemeriksaan akan mengeluarkan tiga notis kepada pengusaha atau pengedar produk makanan import tersebut. Notis yang dikeluarkan adalah notis pemantauan, notis ketidakakuran dan notis penggantungan sijil pengesahan halal.

Setelah itu, pegawai pemantau akan mengemukakan laporan penggantungan kepada panel pengesahan halal untuk membuat keputusan muktamad. Panel pengesahan kemudiannya akan memberi tiga langkah penyelesaian. Pertama, pemeriksaan akan dibuat semula bagi mengesahkan kesalahan yang dilakukan. Kedua, sijil halal akan dikembalikan sekiranya laporan yang diterima tidak sama selepas pemeriksaan semula dilakukan dan ketiga, sijil halal akan ditarik serta merta sekiranya pemeriksaan yang dilakukan bertepatan dengan laporan yang dikemukakan oleh pegawai pemantau.

Bagi syarikat, pengusaha atau pengedar yang gagal mematuhi arahan pembetulan yang diminta oleh Panel Pengesahan Halal seperti yang dinyatakan di atas, maka sijil pengesahan halal akan ditarik serta merta dan pihak JAKIM berhak menyenaraikan nama-nama syarikat atau pengedar yang digantung pengesahan pensijilan halal mereka di dalam portal rasmi halal.



**iii. Kesalahan Serius:** Kesalahan serius ini merupakan sebuah kesalahan yang melibatkan kesalahan syariah dan teknikal yang boleh membawa kepada penarikan sijil halal Malaysia oleh pegawai pemantau dan perlu dikemukakan kepada Panel Pengesahan Halal untuk keputusan muktamad.

Secara umumnya, kesalahan serius ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu, kesalahan syariah dan kesalahan teknikal. Kesalahan syariah merupakan kesalahan yang melibatkan hukum syarak seperti terdapat penggunaan bahan haram setelah memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia, percampuran penyimpanan produk halal dengan produk haram, pencampuran alatan yang digunakan untuk pemprosesan makanan halal dan haram, serta penyembelihan yang tidak sempurna seperti proses sembelihan tidak sempurna dan proses melemahkan haiwan dengan menggunakan alat stunning sehingga menyebabkan haiwan mati dahulu sebelum disembelih (JAKIM 2014e).

Kesalahan teknikal pula merupakan sebuah kesalahan yang tidak melibatkan hukum syarak seperti, perpindahan kilang produk makanan atau syarikat pengedar tanpa memaklumkan kepada JAKIM, MAIN atau JAIN. Perubahan pengurusan dan nama syarikat tanpa memaklumkan kepada JAKIM, MAIN atau JAIN juga boleh dikenakan tindakan di bawah kesalahan serius.

Tindakan yang diambil oleh pegawai pemantau sekiranya mendapati kesalahan-kesalahan dinyatakan dilakukan oleh syarikat berkenaan adalah dengan menarik semula pengesahan sijil halal serta merta. Seterusnya, pegawai pemantau akan mengeluarkan notis pemantau dan notis penarikan sijil halal kepada syarikat tersebut. Kemudian laporan penarikan sijil pengesahan halal akan dikemukakan kepada Panel Pengesahan Halal bagi melakukan keputusan yang muktamad. Selepas disahkan syarikat berkenaan melakukan kesalahan serius ini, JAKIM, MAIN atau JAIN berhak menyenaraikan nama syarikat yang terbabit diportal halal bagi menghebahkan penarikan sijil halal syarikat berkenaan.

Tambahan itu, bagi pendakwaan ke atas kesalahan serius ini, pihak penguatkuasa akan memberi arahan kepada syarikat terbabit untuk menarik semula kesemua produk makanan yang telah dipasarkan. Perintah pengasingan produk makanan tersebut dari kedai-kedai dan premis juga akan dikeluarkan bagi mengelakkan pengguna membeli produk makanan tersebut. Penarikan produk makanan tersebut juga melibatkan keseluruhan outlet, jenama dan produk di bawah syarikat tersebut ditarik balik dan diberhentikan daripada dipasarkan kepada umum (Noor Azmi 2015).

### **c. Persampelan**

Semasa proses pemantauan dan pemeriksaan dilakukan, sekiranya terdapat kesalahan yang dilakukan oleh syarikat produk makanan tersebut terhadap ramuan serta keraguan terhadap pemprosesan produk makanan tersebut, pihak pegawai pemantau dan penguatkuasa berhak mengambil sampel produk, atau lain-lain yang diragui status kehalalannya untuk tujuan analisis makmal seperti prosedur yang telah ditetapkan.

Segala sampel produk, bahan pembungkusan, label serta alatan yang diragui, perlu diambil bagi tujuan penelitian oleh panel pengesahan halal.

Seterusnya semua sampel yang diambil ini, akan diujikaji di makmal-makmal kerajaan yang diakreditasi berdasarkan ISO/IEC 17025 bagi skop yang berkaitan (Noraine 2010). Buat masa ini, makmal rasmi bagi Pensijilan Halal Malaysia yang digunakan adalah di Jabatan Kimia Malaysia.

#### **d. Proses Pendakwaan**

Selepas proses pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan oleh JAKIM, maka tindakan pendakwaan diserahkan kepada KPDKK atau badan penguatkuasa yang terlibat untuk menjalankan proses pendakwaan. Proses pendakwaan yang dilakukan adalah melibatkan pelanggaran akta yang telah dilakukan oleh syarikat berkenaan. Proses pendakwaan ini berlaku melalui mahkamah sivil dan bukannya mahkamah syariah.

Semasa proses pendakwaan ini dilakukan, Pihak JAKIM, MAIN atau JAIN akan dipanggil sebagai saksi dalam proses perbicaraan di Mahkamah. Ini kerana, peranan JAKIM, MAIN atau JAIN adalah sebagai pegawai pemantau yang menyaksikan kesalahan tersebut dilakukan. Sebarang keputusan oleh Mahkamah selepas itu, perlu dihebahkan untuk makluman orang awam (JAKIM 2014f).

#### **Prosedur Pemantauan dan Penguatkuasaan Produk Makanan Import yang menggunakan Logo Halal Badan Islam Luar Negara**

Secara asasnya, proses pemantauan dan penguatkuasaan halal produk makanan import yang menggunakan logo halal badan Islam luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM adalah di luar gerak kerja dan bidang kuasa JAKIM. Ini kerana, Bahagian Halal JAKIM hanya terlibat kepada produk yang menggunakan pensijilan halal JAKIM dan logo halal JAKIM sahaja (JAKIM 2014c)(Noor Azmi 2015).

Walaupun ini merupakan sebuah kekurangan daripada pengurusan JAKIM, namun JAKIM telah mengambil inisiatif yang lebih awal bagi membendung pengurusan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap produk makanan import yang menggunakan pensijilan dan logo halal badan Islam luar negara.

Antara usaha JAKIM bagi membendung permasalahan ini, sebelum pengiktirafan badan pensijilan halal luar negara diberi, JAKIM telah menyediakan sebuah pekeliling yang perlu dipatuhi oleh badan dan agensi pensijilan halal luar negara (JAKIM 2012). Dengan terpakainya pekeliling ini, maka isu pemantauan dan penguatkuasaan halal dapat dibendung.

#### **Pekeliling Pensijilan Halal Badan Islam Luar Negara**

Pihak JAKIM telah mewujudkan sebuah prosedur khas berkenaan prosedur pelantikan badan pensijilan halal luar negara atau juga dikenali sebagai Procedures for Appointment of Foreign Halal Certification Bodies untuk membendung permasalahan ini. Prosedur ini merupakan sebuah pekeliling khas kepada setiap badan atau agensi halal luar negara untuk memohon pengiktirafan daripada JAKIM (JAKIM 2014d).

Tujuan prosedur ini dikeluarkan adalah bagi memudahkan pihak JAKIM melakukan proses pemantauan terhadap badan Islam luar negara yang mengesahkan produk makanan import sebagai halal. Ini kerana, apabila produk makanan import tersebut di import ke dalam negara, pihak JAKIM tidak akan memantau lagi produk makanan import tersebut kerana ia telah mendapat pengesahan dari pensijilan halal badan Islam luar negara yang telah diiktiraf oleh JAKIM.

Selain itu, tujuan prosedur ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada seluruh badan atau agensi halal luar negara yang telah mengiktiraf produk makanan di luar negara agar mereka memohon pengesahan dan pengiktirafan halal JAKIM terhadap badan organisasi halal mereka. Ini kerana produk makanan import yang memperihalkan status halal dengan menggunakan pensijilan serta logo halal badan Islam luar negara yang tidak diiktiraf oleh JAKIM tidak akan dibenarkan untuk dipasarkan di Malaysia. Sekiranya ia didapati diimport ke dalam negara Malaysia, pihak JAKIM akan memaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab supaya tidak menerima serta menahan produk makanan tersebut daripada dipasarkan di Malaysia (Noor Azmi 2015).

Menerusi pekeliling ini juga menyatakan objektif pengiktirafan yang dilakukan terhadap badan pensijilan halal luar negara. Antara objektif pekeliling berkenaan adalah untuk memastikan badan pensijilan halal tersebut melaksanakan tanggungjawab dengan melakukan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas produk-produk yang dihasilkan di negara berkenaan (JAKIM 2012).

#### **a. Prosedur Pemantauan**

Seperti yang dinyatakan, JAKIM tidak mempunyai autoriti dan bidang kuasa dalam menjalankan proses pemantauan dan penguatkuasaan terhadap produk makanan import yang menggunakan pensijilan halal badan Islam luar negara. Oleh itu, antara cara untuk mengekalkan status kehalalan produk makanan import tersebut adalah dengan mengenakan syarat khusus kepada badan Islam luar negara yang memohon pengiktirafan pensijilan halal Malaysia.

Antara syarat yang dikenakan kepada badan Islam tersebut adalah mereka dikehendaki menghantar laporan audit pematuhan setiap dua tahun kepada JAKIM (JAKIM 2012). Antara aspek yang dinilai semasa audit pematuhan adalah keupayaan badan pensijilan tersebut bagi melaksanakan pensijilan halal. Hal ini termasuklah aspek sumber manusia, sistem pensijilan, standard halal atau garis panduan halal, tenaga pakar dalam bidang syariah dan teknikal, sumber rujuk fatwa, pengurusan dan pengawalan rekod pensijilan serta menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan (JAKIM 2012). Selain audit pematuhan pensijilan halal, JAKIM juga menjalankan audit pemerhatian ke atas pusat penyembelihan dan kilang-kilang atau loji pemprosesan makanan terhadap badan Islam luar negara yang diiktiraf (JAKIM 2012).

Setelah audit pematuhan dan audit pemerhatian diperolehi, laporan hasil audit akan dibentangkan di dalam mesyuarat panel pengesahan halal luar negara untuk mendapat keputusan. Sekiranya keputusan permohonan untuk pengiktirafan diluluskan oleh JAKIM, surat perlantikan akan diberikan kepada badan pensijilan

halal tersebut dan pengesahan pengiktirafan sijil halal badan Islam tersebut akan diteruskan.

Setelah itu, senarai kesemua pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM akan dimuatnaik di laman web JAKIM. Bagi permohonan badan pensijilan luar negara yang gagal, surat rasmi akan dikeluarkan untuk memaklumkan penolakan serta penarikan pengiktirafan. Bagi pihak badan pensijilan halal luar negara yang gagal menghantar laporan audit pematuhan tersebut, atau JAKIM mendapati keraguan terhadap laporan yang dikemukakan, pihak JAKIM akan menghantar notis peringatan dua minggu untuk menghantar dan memperbaiki semula laporan audit yang dikemukakan (JAKIM 2014d). Sekiranya pihak badan Islam halal tersebut gagal sekali lagi untuk mengemukakan laporan audit tersebut pada tempoh dua minggu yang diberi, secara automatiknya pengiktirafan halal ke atas badan Islam antarabangsa tersebut akan ditarik (Noor Azmi 2015). Selanjutnya, pihak JAKIM berhak mengiklankan penarikan pengiktirafan halal badan Islam tersebut kepada umum (Noor Azmi 2015).

Walau bagaimanapun, badan pensijilan halal luar negara yang telah ditarik pengiktirafan halal Malaysia boleh memohon semula pengiktirafan pengesahan pensijilan halal Malaysia dengan syarat boleh dipohon selepas enam bulan daripada penarikan pengiktirafan pensijilan tersebut (JAKIM 2012). Badan Islam tersebut boleh mengemukakan segala dokumen yang dikehendaki oleh JAKIM seperti badan Islam yang baru memohon pengiktirafan pensijilan mereka. Sekiranya permohonan dilakukan, JAKIM akan sekali lagi melakukan pengauditan pematuhan terhadap pensijilan halal luar negara yang telah ditetapkan (JAKIM 2012).

#### **b. Tindakan Penguatkuasaan**

Secara umumnya, tiada tindakan penguatkuasaan yang khusus dikenakan terhadap produk makanan import yang menggunakan pensijilan halal badan Islam luar negara kecuali jika terdapat aduan dan keraguan terhadap produk makanan import berkenaan. Sekiranya terdapat laporan dan aduan terhadap keraguan kehalalan terhadap produk makanan tersebut, maka modus operandi pemeriksaan akan dilakukan (Noor Azmi 2015). Secara asasnya, modus operandi yang dilakukan adalah hampir sama seperti pemeriksaan penguatkuasaan yang dijalankan terhadap produk makanan import yang menggunakan pensijilan halal JAKIM.

Sekiranya terdapat aduan dari sudut ramuan yang tidak halal atau meragukan, JAKIM akan mengambil sampel makanan berkenaan untuk dibuat uji kaji makmal di Jabatan Kimia Malaysia. Sekiranya selepas uji kaji dilakukan, dan didapati produk makanan tersebut sah telah melanggar garis panduan yang dikemukakan, maka dengan serta merta, sijil pengiktirafan badan Islam tersebut akan ditarik semula daripada senarai pengiktirafan JAKIM (Noor Azmi 2015).

Sebuah notis penarikan semula pengiktirafan pensijilan halal akan dikeluarkan dan perkara tersebut dimaklumkan kepada badan pensijilan halal antarabangsa berkenaan. Kesan daripada penarikan pengiktirafan pensijilan halal badan Islam luar negara tersebut menyebabkan kesemua produk makanan import

yang menggunakan logo halal badan Islam tersebut akan diperintahkan untuk disekat oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) di sempadan negara (Noor Azmi 2015).

Bagi produk yang telah berada di pasaran Malaysia, produk makanan import yang terbabit (disahkan mempunyai keraguan dan melanggar pekeliling halal yang ditetapkan) akan diperintahkan untuk dikeluarkan daripada pasaran Malaysia mengikut batch nombor kemasukan makanan tersebut. Akan tetapi, bagi produk makanan import pada jenis dan jenama yang sama akan tetapi menggunakan nombor batch yang berlainan tidak akan ditarik semula daripada pasaran. Tambahan itu, bagi produk makanan import yang menggunakan pensijilan halal badan Islam yang sama dan telah dipasarkan di Malaysia tidak akan ditarik balik daripada pasaran (Noor Azmi 2015).

Seterusnya, bagi membendung masalah ini juga, pihak JAKIM berhak memaklumkan dan memberitahu kepada orang ramai mengenai penarikan pengiktirafan pensijilan halal badan Islam yang telah ditarik balik. Kebiasannya pihak JAKIM akan memaklumkan penarikan tersebut menerusi internet berkenaan penarikan pemakaian logo halal antarabangsa terhadap produk makanan import tersebut (Noor Azmi 2015).

### c. Proses Pendakwaan

Tindakan pendakwaan seperti tindakan undang-undang tidak akan dikenakan terhadap badan Islam yang mengiktiraf produk makanan import walaupun didapati produk makanan import yang menggunakan pensijilan halal badan Islam berkenaan melanggar garis panduan yang telah ditetapkan. Ini kerana ketiadaan undang-undang khusus atau akta yang boleh diambil untuk dikenakan tindakan undang-undang terhadap badan pensijilan halal antarabangsa tersebut (Noor Azmi 2015).

Menurut Noor Azmi (2015) tindakan pendakwaan terhadap badan pensijilan halal luar negara tidak dapat dilakukan kerana akta di dalam perlembagaan Malaysia hanyalah tertakluk kepada perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Malaysia sahaja dan bukan terhadap badan antarabangsa (APD 2011). Justeru, ini merupakan satu kelemahan dalam membendung produk makanan import yang menggunakan pensijilan halal badan Islam luar negara untuk sentiasa kekal halal dan tayyibah.

### **Prosedur Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal Produk Makanan Import yang tidak menggunakan Pensijilan Halal dan Logo Halal JAKIM serta Pensijilan dan Logo Halal Badan Islam yang diiktiraf (Tanpa logo dan Pensijilan Halal)**

Secara umumnya, kemasukan produk makanan import adalah bebas untuk dipasarkan kedalam negara walaupun produk makanan import tersebut tidak memperihalkan status kehalalannya. Ini bertepatan seperti termaktub pada syarat-syarat kawalan makanan import yang dikeluarkan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (FOSIM) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Antara syarat-syarat umum yang dikenakan terhadap kemasukan produk makanan import adalah (FOSIM 2015):

1. Mematuhi piawai (standard) makanan berkenaan seperti yang diperuntukkan dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
2. Mematuhi kriteria-kriteria pelabelan (pelabelan makanan dan pelabelan pemakanan) seperti yang diperuntukkan dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
3. Mendapat kelulusan untuk mengimport dari agensi / jabatan kerajaan yang terlibat untuk produk makanan tertentu.
4. Menyertakan dokumen-dokumen khusus seperti Sijil Kesihatan dan Sijil Analisa untuk produk makanan tertentu.

Antara produk-produk makanan yang dimaksudkan adalah seperti dalam garis panduan berikut:

1. Guideline on health certificate requirements for importation of meat, edible meat offal, poultry, edible poultry offal, shrimps and prawns into Malaysia.
2. Guideline on requirement of health certificate for crabs on importation into Malaysia.

Menerusi syarat-syarat yang dinyatakan, jelas menunjukkan tiada pensyaratan yang khusus dikenakan ke atas produk makanan import yang hendak dipasarkan ke dalam negara untuk wajib memperihalkan status kehalalan. Apa yang pasti, makanan tersebut mestilah makanan yang selamat dan bebas daripada sebarang ramuan atau bahan yang merbahaya.

Oleh sebab itu, di pasaran Malaysia terdapat produk makanan import yang tidak mempunyai status halal, sama ada menggunakan pensijilan dan logo halal JAKIM atau pensijilan dan logo halal badan Islam yang diiktiraf oleh JAKIM. Namun sekiranya produk tersebut memperihalkan status kehalalan yang tidak disah dan diiktiraf, produk makanan tersebut boleh dikenakan tindakan seperti yang tertakluk di dalam APD 2011.

#### **a. Prosedur Pemantauan**

Bagi produk makanan import yang tidak memperihalkan status kehalalan mereka, pemeriksaan pemantauan tidak akan dijalankan oleh Jakim terhadap produk makanan tersebut. Ini kerana ia di luar bidang kuasa JAKIM yang hanya menjaga berkenaan hal ehwal yang berkaitan dengan dengan Islam sahaja (Noor Azmi 2015).

#### **b. Tindakan Penguatkuasaan**

Tindakan penguatkuasaan JAKIM terhadap produk makanan import yang tidak memperihalkan status kehalalan boleh diambil ke atas dua sebab. Pertama, tindakan penguatkuasaan diambil sekiranya terdapat aduan oleh pengguna



terhadap ramuan yang meragukan atau ramuan yang sah melanggar syarat-syarat makanan yang berkaitan dengan orang Islam. Kedua, tindakan penguatkuasaan juga boleh diambil terhadap produk makanan import tersebut sekiranya menggunakan atau mempamerkan logo atau pensijilan halal palsu terhadap produk makanan mereka.

Tindakan penguatkuasaan yang diambil bagi dua kesalahan yang dinyatakan adalah, pihak Jakim akan memaklumkan kepada orang ramai berkenaan status tidak halal pada produk tersebut serta sekiranya ia didapati menggunakan logo halal serta pensijilan halal palsu, produk makanan import tersebut akan diperintahkan untuk dikeluarkan dalam pasaran Malaysia dan pengusaha atau pengedar anak syarikat yang berada di Malaysia akan di dakwa di bawah kesalahan Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011).

### c. **Prosedur Pendakwaan**

Sekiranya produk makanan import tersebut memperakui takrif kehalalan produk tersebut atau didapati menggunakan logo atau pensijilan halal palsu, tindakan pendakwaan mengikut akta perihal dagangan 2011 akan dikenakan di bawah sub perakuan dan penandaan halal. APD (2011) menyatakan,

*‘semua makanan dan barang-barang import yang dipasarkan di Malaysia tidak boleh diperihalkan sebagai halal melainkan jika makanan dan barang-barang import itu mematuhi kehendak perenggan 4 atau diperakukan sebagai halal oleh badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual kedua’.*

(Seksyen 29, APD 2011)

Menurut akta yang disebutkan kehendak kepada perenggan 4 adalah mengenai perakuan perihal halal yang menyebut,

*“4. (1) Semua makanan dan barang-barang tidak boleh diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan ungkapan lain untuk menunjukkan makanan dan barang-barang itu boleh dimakan oleh orang Islam melainkan jika:*

*(a) diperakukan sebagai halal oleh pihak berkuasa berwibawa; dan*

*(b) ditandakan dengan logo sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.”*

(Perenggan 4, Seksyen 29, APD 2011)

Kadar denda dan penalti yang boleh dikenakan terhadap pengusaha atau pengedar anak syarikat yang berada di Malaysia adalah mengikut kepada pengusaha yang mengeluarkan atau yang mengedar produk makanan import berkenaan merupakan pertubuhan/perbadanan atau bukan pertubuhan/perbadanan. Bagi kesalahan yang berkaitan dengan Perintah Perihal Dagangan iaitu berkaitan takrif halal, dimana pengusaha atau pengedar memperakui takrif kehalalan produk import tersebut kadar denda dan penalti yang dikenakan adalah seperti berikut:

**Pertubuhan atau Perbadanan:** Denda tidak melebihi RM 5,000,000 (5 juta). Bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda akan dikenakan tidak melebihi RM 10,000,000 (10 juta).

**Bukan Pertubuhan atau Perbadanan:** Denda tidak melebihi RM 1,000,000 (1 juta) atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda akan dikenakan sebanyak RM 5,000,000 (5 juta) atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan yang berkaitan dengan perakuan dan penandaan halal, dimana pengusaha atau pengedar menggunakan logo halal palsu terhadap produk import tersebut kadar denda dan penalti yang dikenakan adalah seperti berikut:

**Pertubuhan atau Perbadanan:** Denda tidak melebihi RM 200,000. Bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda akan dikenakan sebanyak RM 500,000.

**Bukan Pertubuhan atau Perbadanan:** Denda tidak melebihi RM 100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda akan dikenakan sebanyak RM 250,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, pengguna seharusnya mengetahui bidang kuasa Jakim dalam menjalankan proses pemantauan dan penguatkuasaan terhadap produk makanan import yang dipasarkan di Malaysia. Ini kerana, Jakim terikat dengan akta perihal dagangan yang menyebabkan mereka hanya boleh melakukan pemantauan sahaja tanpa melakukan pendakwaan. Kajian mendapati skop tugas dan autoriti Jakim yang terhad dan terbatas menyebabkan jakim tidak dapat menjalankan pengurusan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap produk makanan import dengan efektif. Sikap pengguna yang sering menyalahkan Jakim untuk menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan nyata meleset akibat mereka tidak mengetahui keterbatasan autoriti dan kuasa yang ada pada Jakim bagi menjalankan proses pemantauan dan penguatkuasaan halal.

Justeru diharap kajian ini dapat memberi maklumat kepada pengguna agar memahami skop tugas Jakim serta badan yang lebih berautoriti dalam menjalankan proses pemantauan dan penguatkuasaan terhadap produk makanan import.

## **RUJUKAN**

FOSIM, Portal Rasmi. 2015. Syarat-syarat pengimportan makanan (umum). <http://fsq.moh.gov.my/v4/index.php/component/k2/item/369-syarat-syarat-pengimportan-makanan-umum.html> [10 Jun 2015].



- JAKIM. 2012. Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bil. 3 Tahun 2012: Pelaksanaan Pengiktirafan Badan Pensijilan Halal Luar Negara yang diiktiraf JAKIM.
- JAKIM. 2013. Laporan Tahunan Jakim: Keckerapan Kerjasama dengan Agensi Luar: 127.
- JAKIM. 2013a. Laporan Tahunan JAKIM: Pemantauan dan Penguatkuasaan: 126.
- JAKIM. 2014. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia: Skim Pensijilan: 4.
- JAKIM. 2014a. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia: Undang-undang Pemantauan dan Penguatkuasaan: 35.
- JAKIM. 2014b. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia: Syarat-syarat Pensijilan Halal Malaysia: 5.
- JAKIM. 2014c. Pekeliling Halal Malaysia Bil. 2 tahun 2014, Pelaksanaan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga).
- Jakim. 2014d. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia: Jenis Pemeriksaan: 36.
- JAKIM. 2014e2014i. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia: Kategori Kesalahan dan Tindakan: 36-40.
- JAKIM. 2014f. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia: Proses Pendakwaan: 40-41.
- Lokman Ab. Rahman. 2004. Mengapa Perlu Logo Halal Malaysia. Utusan Malaysia. 9 Arpil.
- Noor Azmi Mohammad Tamyas. 2015. Pengurusan Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal terhadap Produk Makanan Import oleh JAKIM. Putrajaya. Temu bual, 7 Julai.
- Noraine binti Hamzah. 2010. Pemantauan dan penguatkuasaan halal di Malaysia. Tesis Sarjana, Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Heritage Conference 2017